

16/08/1997

Taklimat Sukom untuk PM bulan depan

SATU taklimat berkaitan persiapan Sukan Komanwel 1998 akan diberikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bulan depan.

Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, berkata taklimat itu amat penting dan tepat pada masanya kerana Dr Mahathir akan melakukan lawatan ke kompleks Majlis Sukan Negara di Bukit Jalil, 23 Ogos ini.

Lawatan itu akan membolehkan Perdana Menteri meninjau persiapan kompleks sukan yang bakal digunakan dalam Sukan Komanwel dari 11 hingga 21 September tahun depan, katanya kepada pemberita selepas upacara menandatangani perjanjian antara Sukom '98 dengan Grace Distribution (M) Sdn Bhd di ibu negara, semalam.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, dan Pengarah Urusan Grace Distribution (M) Sdn Bhd, David Su.

Hashim berkata Sukom '98 juga mengadakan pertemuan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kelmarin dan diberi taklimat berkaitan pembekalan elektrik ketika berlangsungnya Sukan Komanwel.

"TNB memberi jaminan bahawa bekalan elektrik adalah mencukupi dan ini dapat memastikan temasya itu dijalankan dengan jayanya," katanya.

Sementara itu, Grace Distribution (M) Sdn Bhd menjadi pembekal rasmi roti untuk Sukan Komanwel 1998 dengan menggunakan jenama High 5 Nutri-White.

Grace akan membekalkan makanan itu setiap hari kepada lebih 6,000 atlit dan pegawai yang menginap di Perkampungan Sukan Komanwel. - Bernama

(END)